

03 JUN 2004

Oana-Perhimpunan

BERNAMA TUAN RUMAH PERHIMPUNAN AGENSI BERITA ASIA-PASIFIK

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Kira-kira 100 perwakilan 27 agensi

berita dari 24 negara akan menghadiri Perhimpunan Agung ke-12 Pertubuhan

Agensi-agensi Berita Asia-Pasifik (Oana) di sini mulai Isnin ini.

Perhimpunan dua hari itu, yang dianjurkan tuan rumah Pertubuhan Berita

Nasional Malaysia (Bernama), merupakan yang terbesar seumpamanya pernah

diadakan dalam sejarah 42 tahun kewujudan Oana.

Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Eksekutif dan Kumpulan Pakar Editorial dan

Teknikal Oana akan turut diadakan, menurut Bernama dalam satu kenyataan

hari ini.

Lapan wakil pertubuhan media di rantau utara dan selatan Afrika, Mediterranean dan Balkan juga akan turut hadir.

Agensi-agensi yang telah mengesahkan penyertaan ialah ITAR-TASS dari

Rusia yang kini presiden Oana, Anadolu (Turki), Saudi Press Agency (SPA)

(Arab Saudi), Press Trust of India (PTI), Xinhua (China), Islamic Republic

News Agency (Irna) (Iran), Qatar News Agency (QNA), Kyodo dan Jiji Press

(kedua-dua Jepun), Australian Associated Press (AAP), Kabar (Kyrgyzstan),

Kazinform dan Khabar (kedua-duanya Kazakhstan), Saba (Yaman);

Kuwait News Agency (Kuna), Thai News Agency (TNA), Antara (Indonesia),

Vietnam News Agency (VNA), Montsame (Mongolia), Yonhap (Korea Selatan),

United News of Bangladesh (UNB), Syrian Arab News Agency (Sana), Ria Novosti (Rusia), WAM (Emiriyah Arab Bersatu), Korean Central News

Agency

(KCNA) (Korea Utara), Oman News Agency (ONA) dan Bernama.

Para pemerhati terdiri daripaka wakil Albanian Telegraphic Agency

(ATA), Mozambique News Agency (AIM), Persekutuan Agensi-agensi Berita Arab

(Fana), Perikatan Agensi-agensi Berita Mediterranean (Aman), New Zealand

Press Association (NZPA), Bua News dari Afrika Selatan dan Persatuan Agensi-agensi Berita Balkan (Abna). Unesco juga menghantar wakil.

Perhimpunan itu, yang bertemakan "Mara Ke Hadapan Dalam Milenium Baru"

akan membincangkan kaedah-kaedah memperkuatkan mekanisme pertukaran berita, maklumat dan visual di kalangan agensi-agensi anggota.

Ia dijangka mengeluarkan satu kenyataan yang disebut "Deklarasi Kuala Lumpur" yang antara lain menggariskan langkah-langkah bagi meningkatkan lagi pengaliran berita dan maklumat dengan mengambil kesempatan daripada kemajuan terkini dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Perhimpunan di Hotel Istana akan dirasmikan oleh Menteri Penerangan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir pada Isnin pagi. Pada malam itu, Abdul Kadir akan meraikan para perwakilan ke satu majlis jamuan.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan menjadi tetamu kehormat pada satu majlis jamuan di Hotel Sheraton Imperial pada Selasa malam yang dianjurkan bersama untuk para perwakilan oleh akhbar New Straits Times, the Star dan Kumpulan Utusan.

Dr Mahathir telah bersetuju memberi ucapan mengenai peranan media dalam pergolakan senario global dengan diikuti sesi soal jawab dengan para peserta yang kebanyakannya terdiri dari ketua-ketua pengarang.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan berucap pada sesi pagi hari kedua perhimpunan mengenai dasar luar Malaysia.

Pengurus Besar Bernama Datuk Syed Jamil Jaafar akan mengambil alih sebagai presiden Oana yang baru dan Bernama menjadi urusetianya selama tiga tahun akan datang.

-- BERNAMA

SJ MFJ RON